

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ANNUAR BIN HAJI MUSA  
[KETEREH - BN]**

**TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 4**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP) yang telah masuk tahun ke-5 dan apakah aspek penambahbaikan yang telah dibuat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program NFDP yang dilancarkan oleh Kerajaan yang lama sebelum ini akan terus diperbaiki dan dikekalkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Pada hari ini, Kementerian Belia dan Sukan telah menggariskan tujuh (7) penambahbaikan yang sedang dan telah dilaksanakan iaitu seperti berikut:

1. Pertama, sebaik sahaja saya memulakan tugas di Kementerian Belia dan Sukan, saya telah mengadakan sesi dialog dengan ibu dan bapa anak-anak yang berlatih di bawah Kem Akademi Mokhtar Dahari (AMD). Setelah tamat sesi dialog tersebut, saya telah melakukan lawatan mengejut di AMD dan telah menemui beberapa *major defects* di bangunan yang dilawati. Antara *defects* yang ditemui ialah sistem perparitan yang lemah dan mengakibatkan berlakunya banjir di dalam

## NO. SOALAN : 4

kelas-kelas dan juga padang bola sepak apabila berlakunya hujan. Sistem *hydrotherapy* tidak berfungsi dan gimnasium pula tidak mempunyai peralatan serta makanan pula tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Institut Sukan Negara (ISN). Dalam tempoh terdekat ini, masalah-masalah tersebut berjaya diselesaikan, kecuali peralatan gimnasium yang hanya sampai dalam tempoh dua (2) bulan. Selain itu, pihak Kementerian telah menempatkan tujuh (7) orang pegawai ISN secara sepenuh masa di AMD yang mana pegawai-pegawai ini ditugaskan bagi memberikan nasihat berkenaan sistem sains sukan.

2. Kedua, bagi menyelaraskan isu pembayaran gaji, Kementerian telah memperkenalkan skim gaji yang lebih berstruktur selaras dengan Skim Kejurulatihan Kebangsaan yang dilaksanakan oleh Akademi Kejurulatihan Kebangsaan, Institut Sukan Negara (ISN). Skim gaji yang baru ini adalah mengikut kelayakan Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) dan setiap jurulatih perlu memenuhi keperluan persijilan Sukan Spesifik dan Sains Sukan.

3. Ketiga, Kementerian juga telah pun melibatkan *Football Asssocation of Malaysia* (FAM) dengan lebih banyak perkara berkaitan pembangunan bola sepak iaitu antaranya dengan melibatkan FAM untuk mengepalai jawatankuasa teknikal dan pada masa yang sama, terlibat dengan Kementerian dalam mencari pemain naturalisasi. Pencarian pemain naturalisasi ini adalah sama dengan model yang dilaksanakan oleh negara Qatar melalui *Aspire Academy* di mana negara tersebut tidak bergantung kepada pemain naturalisasi semata-mata tetapi mewujudkan *diversification in training* agar Malaysia boleh melahirkan pelatih yang terbaik.

4. Keempat, Kementerian telah menambah peruntukan kepada AMD dan juga kepada sistem NFDP secara menyeluruh. Pada tahun 2018, sejumlah RM3.5 juta telah diperuntukkan tetapi pada tahun ini jumlahnya telah ditingkatkan kepada RM15 juta.

5. Kelima, pada minggu yang lalu, Kementerian telah menandatangani perjanjian bersama *Regent International School* dan

## NO. SOALAN : 4

melalui perjanjian tersebut, anak-anak AMD telah mendapat tajaan berjumlah RM5 juta selama 5 tahun dan berpeluang mendapat pensijilan peringkat antarabangsa.

6. Keenam, Kementerian telah mengadakan inisiatif untuk menempatkan anak-anak AMD untuk bertanding di Piala Belia-Belia dan Piala Presiden. Melalui pertandingan ini, Kementerian memastikan anak-anak AMD di bawah usia 16 tahun dapat bermain di bawah kategori 19 tahun, manakala anak-anak di bawah 17 tahun dapat bermain di bawah kategori 21 tahun. Berdasarkan pemerhatian, didapati prestasi mereka adalah sangat baik walaupun mempunyai jurang umur antara 3 – 4 tahun dengan pasukan yang lebih senior dan mampu menduduki tempat ketiga teratas, malah mampu menewaskan pasukan-pasukan terbaik seperti Johor, Selangor dan Kedah.

7. Ketujuh ialah pemeraksanaan sistem *thinking athletes*. Melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, atlet-atlet muda akan diberikan keutamaan untuk menyambung pengajian ke universiti dan politeknik tempatan. Dengan inisiatif yang dilaksanakan ini, kehidupan atlet-atlet muda akan lebih terjamin dan mampu menempatkan diri ke kelab-kelab bola sepak yang terbaik di Malaysia.

Sekian, terima kasih.